

THE REINTERPRITATION OF HEALTH READINESS IN SECURING THE WELLBEING OF PILGRIMAGE SERVICES

PENAFSIRAN SEMULA KEMAMPUAN KESIHATAN DALAM MENJAMIN KESEJAHTERAAN PERKHIDMATAN HAJI DAN UMRAH

Wan Farahiyah Izni W Abd Rahmanⁱ, Nur Farahiyah Mohd Nasirⁱⁱ, Siti Farahiyah Ab Rahimⁱⁱⁱ,
Nur Atheefa Sufeena M Suaree^{iv} & Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif^v

- ⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, wanfarahiyahizni@ukm.edu.my
ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, nurfarahiyah@ukm.edu.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, farahiyahrahim@ukm.edu.my
^{iv} Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, atheefa@ukm.edu.my
^v Pensyarah, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, izzatamsyar@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 6 June 2025

Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

Abstract	<i>Hajj and umrah is an obligation for the Muslims who are capable to perform it once in a lifetime. The ability to perform hajj and umrah includes all aspects of financial ability as well as the physical ability. The physical ability includes having a good term of health. Hajj and umrah recorded millions of pilgrims gather in Makkah and Madinah to perform this fifth pillar of Islam. This large-scale gathering has a strong impact on the health of hajj and umrah pilgrims. Therefore, this study discussed the health's readiness of the hajj and umrah pilgrims' in securing the wellbeing of pilgrimage services. This study aims to assess the health readiness of Hajj and Umrah pilgrims in fulfilling their religious obligations during disease outbreaks. Using a qualitative approach, this study analyzes policy documents, health guidelines, and pilgrimage reports through content analysis. The findings highlight the critical role of physical fitness for pilgrims, emphasizing pre-departure health screenings and age-related restrictions during outbreaks. For performing the hajj and umrah, all preliminary preparations must be emphasized to ensure that these obligations can be performed smoothly and perfectly.</i> Keywords: <i>Reinterpretation; Health Readiness; Pilgrimage; Wellbeing</i>
Abstrak	<i>Haji dan umrah merupakan kewajipan bagi umat Islam yang berkemampuan untuk menunaikannya sekali seumur hidup. Kemampuan untuk menunaikan haji dan umrah merangkumi aspek kewangan serta kemampuan fizikal. Kemampuan fizikal ini termasuklah memiliki tahap kesihatan yang baik. Haji dan umrah menyaksikan jutaan jemaah berkumpul di Makkah dan Madinah untuk menunaikan rukun Islam kelima ini. Perhimpunan besar-besaran ini memberi kesan yang signifikan terhadap kesihatan jemaah haji dan umrah. Oleh itu, kajian ini membincangkan kesiapsiagaan kesihatan jemaah haji dan umrah dalam memastikan kesejahteraan perkhidmatan ibadah. Kajian ini bertujuan untuk menilai kesiapsiagaan kesihatan jemaah haji dan umrah dalam menunaikan kewajipan agama semasa wabak penyakit. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif, kajian ini menganalisis dokumen dasar, garis panduan kesihatan, dan laporan ibadah haji melalui kaedah analisis</i>

	<i>kandungan. Hasil kajian menekankan kepentingan kecergasan fizikal bagi jemaah, dengan penekanan khusus terhadap saringan kesihatan pra-keberangkatan dan sekatan berkaitan umur semasa wabak. Bagi menunaikan haji dan umrah, semua persiapan awal perlu diberi penekanan untuk memastikan ibadah ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna.</i> Kata Kunci: <i>Penafsiran Semula; Kemampuan Kesihatan; Haji dan Umrah; Kesejahteraan</i>
--	--

PENDAHULUAN

Ibadah Haji merupakan rukun Islam yang kelima dan wajib dilaksanakan sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan (Al-Bakri 2010; Wan Farahiyah Izni 2018). Haji dari segi bahasa adalah mengunjungi suatu tempat manakala menurut istilah pula ialah mengunjungi Baitullah di Mekah pada masa tertentu bagi menunaikan rukun-rukun tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Umrah pula menurut bahasa ialah ziarah. Dari segi istilah umrah membawa maksud menuju ke Baitullah di Mekah pada bila-bila masa bagi menunaikan rukun-rukun tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Berdasarkan pengertian haji dan umrah diatas, ini bermaksud haji hanya dikerjakan pada bulan haji yang telah termaklum sahaja iaitu pada bulan Zulhijjah, manakala umrah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa sepanjang tahun.

Allah s.w.t telah berfirman berkaitan dengan kefarduan menunaikan haji dan umrah yang bermaksud: “Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah” (Al-Baqarah 2:196). Para ulama bersepakat bahawa hukum ibadah haji adalah wajib bagi yang berkemampuan. Kemampuan tersebut meliputi kemampuan dari segi perbelanjaan, fizikal dan juga masa. Berdasarkan firman Allah s.w.t yang bermaksud: “Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji di Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya” (Al-Imran 3:97). Dari firman Allah s.w.t ini, berkemampuan boleh diterjemahkan dalam beberapa aspek iaitu sihat tubuh badan dan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi (Ibrahim 2009). Oleh yang demikian, mempunyai kesihatan yang baik adalah menjadi satu keutamaan dalam melaksanakan ibadah haji dan umrah kerana ia akan membantu melancarkan segala proses melaksanakan ibadah tersebut.

Ibadah haji dan umrah merupakan salah satu perhimpunan secara besar-besaran di Mekah yang menyaksikan lebih 2.5 juta jemaah yang terdiri daripada 180 buah negara berkumpul (Noh et al. 2020). Perhimpunan secara besar-besaran ini memberikan satu cabaran kepada kesihatan jemaah haji dan umrah (Aldossari et al. 2019). Penyebaran wabak penyakit berbahaya dan berjangkit bukanlah satu perkara baharu dalam tamadun manusia. Walaubagaimanapun, penyebaran wabak penyakit berjangkit yang terkini menjadi isu yang besar kerana ianya telah menjangkiti jutaan manusia di seluruh pelusuk dunia sehingga menyebabkan kehilangan nyawa dan memberi implikasi kepada kehidupan manusia. Penularan wabak penyakit berjangkit terhadap manusia dalam skop yang besar serta mengancam sesebuah negara perlu dibendung dan tidak boleh dibiarkan merebak (Syahiran 2017). Justeru, kajian istita'ah kesihatan jemaah haji dan umrah sangat penting kerana penyebaran wabak penyakit berjangkit jelas menjejaskan kesihatan seluruh umat manusia dan mengubah ketentuan sesuatu hukum dalam menunaikan ibadah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat konseptual berdasarkan kajian doktrinal. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah metode analisis kandungan. Kaedah analisis kandungan digunakan dalam kajian ini bagi meneliti perkataan, istilah dan konsep yang terdapat dalam dokumen tersebut. Dalam konteks kajian ini, pengumpulan data, analisis kandungan data melibatkan rujukan dari Laporan Tahunan Tabung Haji, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Kebangsaan, Garis Panduan Pemeriksaan Bakal Haji dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan artikel dari akhbar tempatan di Malaysia.

Akhbar tempatan berbahasa melayu yang dirujuk dalam kajian ini adalah Utusan Malaysia, Berita Harian, BERNAMA dan Astro Awani. Selain daripada itu, data tambahan yang berkenaan juga diperolehi daripada laman web rasmi akhbar-akhbar tersebut bagi tujuan mendapatkan hasil kajian dan membuat kesimpulan akhir yang tepat dan mengikut objektif kajian.

IBADAH HAJI DAN UMRAH

Ibadah haji adalah kewajiban yang harus dilaksanakan oleh setiap Muslim yang mampu. Ia merupakan rukun Islam yang kelima dan perlu dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam hidup (Wan Farahiyah Izni 2019; Wan Farahiyah Izni 2020). Dari segi bahasa, haji berarti mengunjungi atau pergi ke suatu tempat, sementara dari sudut syarak, ia merujuk kepada perjalanan ke Mekah untuk melaksanakan ibadah tertentu dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Menurut al-Jaziri (1990), ibadah haji merujuk kepada serangkaian amalan tertentu yang harus dilaksanakan pada waktu dan lokasi yang telah ditetapkan, mengikut cara yang khusus. Sementara itu, Wahbah al-Zuhaili (2002) mendefinisikan haji sebagai perjalanan ke tempat tertentu dalam waktu yang ditentukan untuk tujuan tertentu. Ibadah haji adalah puncak pengabdian manusia kepada Tuhan, dan melaksanakannya menandakan penyempurnaan lima rukun Islam.

Kewajiban untuk menunaikannya telah dinyatakan dalam al-Qur'an dan Sunnah. Salah satu bukti yang menunjukkan kewajiban haji adalah firman Allah:

Maksudnya, *"Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah"* (al-Quran. Al-Baqarah: 196).

Ayat di atas memberi galakan dan suruhan untuk menunaikan haji dan kewajiban hanya dikenakan kepada mereka yang mampu. Terdapat pelbagai pandangan dari para fuqaha mengenai istilah kemampuan, yang berbeza mengikut keadaan setiap Muslim dalam melaksanakan ibadah suci tersebut. Sementara itu, bukti kewajiban haji dari Sunnah juga terdapat dalam riwayat Abu Abdirrahman, Abdullah bin Umar bin al-Khathab RA yang telah meriwayatkan:

Maksudnya, *"Islam didirikan di atas lima perkara iaitu bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan Muhammad itu utusan Allah, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, mengerjakan haji ke Baitullah dan berpuasa pada bulan Ramadhan"* (Sahih Muslim).

Umrah pula adalah berkunjung ke baitullah dengan niat untuk melaksanakan umrah serta melakukan tawaf dan sa'i pada sebarang waktu. Ia merupakan sunnah seperti yang terdapat dalam hadis Jabir:

Maksudnya, *"Rasullullah ditanya, apakah umrah itu hukumnya wajib? Rasullullah menjawab, Tidak, Jika kamu melaksanakanya itu lebih utama"*.

Umat islam juga sentiasa didedahkan dengan fadilat dan kelebihan menunaikan umrah iaitu penghapusan dosa bagi seorang muslim. Abu Hurairah r.a bahawa Rasullullah s.a.w bersabda:

Maksudnya, *"Dari satu umrah kepada umrah yang berikutnya dapat menghapuskan dosa antara keduanya dan haji yang mambrur itu tiada lain ganjarannya kecuali syurga"* (Sahih Bukhari).

Dapat difahami bahawa, menunaikan ibadah haji dan umrah itu adalah menjadi kewajipan kepada umat islam sekiranya berupaya dan berkemampuan.

KONSEP KEMAMPUAN DALAM IBADAH HAJI DAN UMRAH

Kemampuan Kesihatan Jemaah Haji dan Umrah

Haji dan umrah ialah salah satu daripada lima perkara yang termaktub di dalam rukun Islam. Ianya merupakan kemuncak keimanan dan keislaman seseorang Muslim dan menjadi kefarduan bagi Muslim yang mukallaf untuk melaksanakan ibadah ini setelah memenuhi syarat-syarat wajib yang telah ditetapkan. Syarat yang paling utama dan penting adalah jemaah haji dan umrah termasuk dalam kategori golongan yang berkemampuan. Berkemampuan boleh dikategorikan kepada dua iaitu berkemampuan secara langsung dan berkemampuan secara tidak langsung.

Menurut Al-Bugha (2013), berkemampuan secara langsung itu adalah apabila seseorang itu mampu melaksanakan ibadah haji dan umrah dengan sendiri kerana berkemampuan dari segi kesihatan tubuh badan, mempunyai sumber kewangan yang baik dan perjalanan pergi dan balik adalah selamat dari segala ancaman atau bahaya. Manakala, berkemampuan secara tidak langsung itu adalah seseorang yang mempunyai sumber kewangan yang baik untuk mengupah orang lain bagi menunaikan ibadah tersebut bagi pihaknya.

Salah satu syarat wajib bagi melaksanakan ibadah haji dan umrah adalah berkemampuan dari segi kesihatan. Hampir keseluruhan amalan rukun haji dan umrah yang perlu dilaksanakan memerlukan kesihatan, kekuatan tubuh badan dan ketahanan fizikal yang sangat baik. Firman Allah s.w.t ada menyatakan bahawa:

Maksudnya, *"Serukanlah umat manusia untuk menunaikan ibadah haji, nescaya mereka akan datang ke rumah Tuhanmu dengan cara berjalan kaki dan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus yang datanganya dari pelbagai jalan dan ceruk rantau yang jauh"* (al- Quran. Al-Haji: 27).

Ini dapat difahami daripada ayat diatas bahawa perjalanan jemaah menuju ke Mekah bagi menunaikan ibadah haji dan umrah datang dari seluruh pelusuk dunia. (Azlan S. B. & Ahmad A.H., 2024). Oleh itu, mempunyai kemampuan kesihatan fizikal adalah sangat dituntut supaya dapat melaksanakan ibadah tersebut dengan baik dan sempurna untuk mendapatkan haji dan umrah yang mabrur.

Wabak

Perkataan wabak berasal daripada bahasa Arab manakala dalam bahasa Inggeris perkataan wabak adalah *epidemic* yang bermaksud penyakit yang tiba-tiba merebak secara mengejut di dalam suatu kawasan geografi secara bahaya dan membimbangkan (Martin & Granelt 2006). Kamus dewan pula mendefinisikan perkataan wabak sebagai sejenis penyakit yang menular, berjangkit dan merebak (Kamus Dewan 2021). Kementerian Kesihatan Malaysia juga mendefinisikan wabak sebagai penyakit berjangkit yang boleh menular dari seseorang kepada seseorang yang lain melalui medium udara, air, makanan atau sentuhan cecair badan yang mengandungi agen penyakit (pathogen) (Ismail 2017). Mikroorganisma seperti virus, bakteria dan kulat yang membiak di dalam tisu badan manusia menjadi punca penyakit berjangkit berlaku. Krisis penyakit berjangkit di Malaysia merupakan isu kesihatan awam. Melaporkan kejadian sesuatu penyakit berjangkit adalah perlu bagi mencegah penyakit itu daripada menular dan untuk mengawalinya daripada menjadi semakin teruk seterusnya sehingga menjadi satu wabak yang akan mengancam nyawa manusia.

Antara wabak yang biasa tersebar di kalangan jemaah haji dan umrah adalah wabak taun dan cirit birit (Gautret et al., 2015). Walaupun wabak taun dan cirit birit diisytiharkan telah berakhir pada tahun 1989, namun terdapat laporan bahawa wabak ini masih menjangkiti jemaah pada musim haji terkini. Satu kajian telah melaporkan bahawa 9.3% jemaah haji mengalami gejala cirit birit sewaktu menunaikan haji (Al-Jasser et al., 2013). Kajian lain juga telah melaporkan bahawa 4.5% dalam kalangan jemaah haji yang berasal

dari perancis mengalami cirit birit manakala 2.4% mengalami muntah (Gautret et al. 2009). Terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa berlakunya wabak cirit birit di kalangan jemaah haji berpunca daripada susu unta mentah yang tidak dipasteurisasi telah diminum oleh mereka (Gautret et al. 2013).

Pada tahun 2000 dan 2001 pula, berlaku wabak besar di Arab Saudi iaitu penyakit meningokokus invasif yang menyebabkan penyebaran global *N. meningitidis serogroup W-135* (Badur et al., 2022). Penyakit meningokokus ini telah mencatatkan kadar kematian jemaah haji yang tinggi pada tahun tersebut serta kerajaan Arab Saudi perlu menanggung kos perubatan yang tinggi. Prekripsi dos tunggal *500mg ciprofloxacin* telah diberikan kepada semua jemaah haji pada tahun tersebut sebelum mereka pulang ke negara asal masing-masing (Abdolvahab et al., 2008).

Wabak penyakit berjangkit yang terkini iaitu virus COVID-19 telah melanda dunia pada tahun 2019 dan penularanya dikatakan bermula dari negara China (Shaharudin et al. 2021). Virus ini telah merebak ke seluruh dunia dengan cepat dan singkat sehingga menyebabkan berjuta-juta manusia dijangkiti oleh virus ini. Wabak COVID-19 diisytiharkan sebagai pandemik kerana virus ini telah menjangkiti manusia dalam skala yang besar dan mengancam nyawa manusia di kedudukan kawasan yang lebih luas seperti negeri, negara atau benua (Zamzuri 2021). Antara ciri-ciri pandemik adalah manusia tidak mempunyai imuniti atau daya tahan melawan virus tersebut dan ianya boleh merebak dengan sangat cepat sehingga menyebabkan kematian yang tinggi. Virus COVID-19 adalah dari kategori famili virus yang membawa kepada penyakit selsema, sesak nafas dan mengakibatkan kematian (Kementerian Kesihatan Malaysia 2020). Simptom penyakit ini adalah seperti demam, sakit kepala, lenguh-lenguh badan, batuk dan kesukaran bernafas. Virus ini juga sangat mudah menjangkiti golongan yang berisiko tinggi seperti mereka yang mempunyai penyakit kronik, sistem imun yang rendah, warga emas dan juga kanak-kanak.

Di Malaysia, wabak COVID-19 telah menjadi titik tolak penting dalam pengukuhan sistem kesihatan negara. Walaupun kes aktif telah menurun secara signifikan sejak tahun 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terus menggalakkan langkah-langkah pencegahan sebagai sebahagian daripada amalan kebiasaan baru. Antara langkah yang masih digalakkan termasuk pemakaian topeng muka di kawasan berisiko tinggi, penjagaan kebersihan tangan, serta penjarakan fizikal dalam situasi tertentu. Selain itu, protokol pengesanan awal dan pengasingan diri selama 5–7 hari bagi kes positif masih dilaksanakan untuk mengelakkan penularan (KKM, 2024). Kerajaan Malaysia telah memanfaatkan pengalaman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari tahun 2020 hingga 2022 sebagai asas untuk membentuk kerangka tindakan lebih efektif dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa depan. Dasar-dasar seperti Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Pindaan 2023) telah diperkukuh bagi memastikan respons lebih pantas dan terkoordinasi. Kejayaan program vaksinasi nasional serta peningkatan kapasiti hospital telah menyumbang kepada ketahanan kesihatan negara (Zuber et al., 2023). Kini, Malaysia telah menerapkan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih fleksibel tetapi berasaskan bukti saintifik, dengan fokus kepada pengurusan endemik yang mampan. Inisiatif digital seperti aplikasi MySejahtera 2.0 terus dimanfaatkan untuk pemantauan penyakit berjangkit, menunjukkan komitmen kerajaan dalam menggabungkan teknologi dengan kesihatan awam (Leong, 2024).

PENAFSIRAN SEMULA KEMAMPUAN KESIHATAN JEMAAH HAJI DAN UMRAH

Penyebaran wabak penyakit berjangkit di kalangan rakyat Malaysia telah memberi implikasi kepada pelbagai sektor termasuklah dalam sektor pelancongan iaitu pelaksanaan ibadah haji dan umrah. Penularan wabak ini telah menyebabkan aktiviti ibadah haji dan umrah terpaksa ditangguhkan, pemeriksaan kesihatan juga telah diperketatkan dan had umur kelayakan bagi menunaikan haji dan umrah diperkenalkan.

Ibadah Haji dan Umrah Perlu Ditangguhkan

Islam telah menegaskan bahawa setiap umatnya perlu mengambil tindakan yang sewajarnya apabila menghadapi musibah atau wabak penyakit berjangkit. Setiap individu dan anggota masyarakat perlu bertanggungjawab dengan mencari inisiatif pencegahan bagi mengelakkan penyebaran penyakit yang berjangkit. Langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu diambil ialah mengelakkan diri daripada tempat-tempat awam yang menjadi lokasi tumpuan ramai seperti hospital, kedai makan, tempat ibadah, lapangan terbang dan lain-lain (Mohd et al 2021). Nabi Muhammad s.a.w melarang umatnya untuk pergi ke kawasan berlakunya wabak dan juga sekiranya seseorang individu itu telah berada di kawasan jangkitan penyakit tersebut maka mereka dilarang untuk meninggalkannya. Ianya bertepatan dengan sabda nabi Muhammad s.a.w yang menyebut:

Maksudnya, *“Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya”* (Sahih Al-Bukhari).

Berdasarkan hadis tersebut, boleh difahami bahawa wajib ke atas setiap Muslim untuk mengelakkan diri sendiri serta keseluruhan masyarakat daripada dijangkiti wabak penyakit (Ghazali 2021).

Oleh itu, dengan tersebarnya wabak pada tahun 2019, yang telah menyebabkan kematian jutaan manusia di seluruh dunia dan juga memberi kesan yang sangat buruk terhadap kesihatan seseorang individu, pihak kerajaan Malaysia membuat penilaian yang tepat supaya pelaksanaan ibadah haji dan umrah ditangguhkan pada tahun tersebut (Tabung Haji 2020). Kerajaan Malaysia berhak untuk menangguhkan pelaksanaan ibadah tersebut demi menjaga keselamatan jemaah dari pelbagai aspek terutamanya dari aspek nyawa dan kesihatan (Tabung Haji 2020).

Pemeriksaan Kesihatan Diperketatkan

Lembaga Tabung Haji adalah institusi yang bertanggungjawab menguruskan perihal haji di Malaysia. Beberapa tatacara dan panduan pemeriksaan kesihatan telah dikeluarkan oleh pihak Tabung Haji bagi kegunaan jemaah pada musim wabak melanda. Dengan adanya pemeriksaan kesihatan yang ketat, tahap kemampuan fizikal dan mental seseorang jemaah dapat ditentukan supaya pelaksanaan ibadah haji dan umrah dapat dijalankan dengan lancar dan sempurna (Azman 2023). Selain itu juga, penyakit-penyakit yang dihadapi oleh jemaah dapat dikesan di peringkat awal dan rawatan boleh diberikan dengan lebih cepat sebelum ianya menjadi parah. Rekod-rekod pemeriksaan kesihatan ini juga akan digunakan oleh petugas kesihatan untuk merawat jemaah sewaktu di tanah suci.

Lembaga Tabung Haji dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia ada mengeluarkan Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik. Panduan ini dikeluarkan khusus bagi tujuan menghadapi wabak COVID-19 pada tahun 2022. Pengeluaran panduan dan tatacara pemeriksaan kesihatan ini adalah selari dengan Akta Tabung Haji 1995 bahawa “pemeriksaan kesihatan jemaah merupakan aktiviti penting yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama dengan Tabung Haji” (Abdullah 2023). Pemeriksaan kesihatan yang perlu dijalankan ke atas jemaah adalah mengikut kriteria-kriteria seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Pemeriksaan kesihatan

Kriteria-kriteria Pemeriksaan	Jenis Pemeriksaan
Umum	Tinggi Berat Badan Body Mass Index (BMI)
Tanda Vital	Kadar Pernafasan Kadar Nadi

Khusus	Tekanan Darah Telinga, Hidung dan Tekak Kepala dan Leher Sistem Saraf Sistem Kardiovaskular Sistem Respiratori
Ujian Makmal	Tiroid Paras Gula dalam Darah Paras Haemoglobin

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik

Selain itu juga, Ujian *Modified Barthel Index* (MBI) adalah diwajibkan ke atas semua jemaah bagi menilai aktiviti kehidupan seharian (Tabung Haji 2022). Kriteria jemaah yang perlu menjalani ujian ini adalah jemaah yang berusia 60 tahun ke atas, sekiranya berumur kurang dari 60 tahun tetapi mempunyai post COVID-19, mild dementia, stroke atau Parkinson dan golongan yang didapati mempunyai ketidakupayaan fizikal atau kecederaan yang belum sembuh. Ujian ini adalah salah satu medium saringan bagi mengenal pasti tahap kebergantungan pengurusan kehidupan seharian seseorang jemaah. Maka kesihatan jemaah dapat ditentukan hasil daripada ujian tersebut. Ukuran tahap kebergantungan kehidupan harian diri seseorang jemaah disenaraikan seperti Jadual 2:

Jadual 2: Ukuran Modified Barthel Index (MBI)

00 – 24	Total
25 – 49	Severe
50 – 79	Moderate
75 – 90	Mild
91 – 99	Minimal

Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik

Hasil daripada ujian MBI ini, sekiranya jumlah skor jemaah adalah di bawah 49 maka jemaah tersebut tidak dibenarkan untuk menunaikan ibadah haji pada musim wabak COVID-19 masih melanda dunia walaupun bebas dari sebarang penyakit dan mempunyai pengiring. Sekiranya jumlah skor adalah 50 ke 74, jemaah perlu menjalani sesi pemulihan di fasiliti kesihatan kerajaan. Ianya bertujuan memberi peluang kepada jemaah untuk melakukan proses pemulihan diri dari segala ketidakupayaan sebelum dibenarkan untuk menunaikan haji. Jika tempoh penerbangan jemaah kurang dari 3 bulan tetapi ketidakupayaan jemaah masih tidak dapat dipulihkan maka jemaah tersebut tidak dibenarkan untuk menunaikan haji.

Bagi pesakit yang menghidapi penyakit kronik yang tidak ada harapan untuk sembuh, Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-84 telah memutuskan bahawa individu tersebut tidak diwajibkan untuk melaksanakan ibadah haji (JAKIM 2015). Wajib bagi pesakit kronik untuk melaksanakan badal haji sekiranya berkemampuan dari segi kewangan. Jenis penyakit kronik yang tidak dibenarkan bagi musim haji 1443H/2022M atas faktor pandemik COVID-19 adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3:

Jadual 3: Penyakit kronik yang tidak dibenarkan

Kategori	Penyakit
Respiratori	Fibrosis Paru-paru Bronchiectasis Kegagalan Pernafasan
Kanser	Semua Jenis Kanser

Kardiovaskular	Penyakit Jantung Kongenital Sianotik Pulmonary Hypertension Endocarditis
Psikiatri	Dementia, Skizofrenia dan Bipolar Kemurungan
Musculo-Skeletal	Kencing Manis Kaki
Haematological	Leukaemia, dan Lymphoma Autologous Stem Cell Transplant
Infectious Diseases	Tuberculosis
Pemindahan Organ	Buah Pinggang, Jantung, Hati dan Paru-paru


Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik

Manakala bagi golongan orang kurang upaya (OKU) dan warga emas pula, Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-37 telah menetapkan bahawa tidak wajib bagi orang kurang upaya dan warga emas yang tidak mampu untuk menguruskan diri sendiri untuk menunaikan haji dan umrah. Digalakan bagi golongan ini untuk melaksanakan badal haji sekiranya mampu. Bagi golongan yang mempunyai masalah penglihatan pula, jika mempunyai kemampuan untuk menanggung perbelanjaan diri sendiri serta membayar upah pengiring wajib ke atasnya untuk pergi menunaikan haji. Golongan pesakit obesiti yang tidak mampu menguruskan diri sendiri juga tidak di luluskan untuk menunaikan haji dan umrah, malah digalakkan untuk mengupah badal haji sekiranya mampu.

Panduan dan peraturan kesihatan yang dikeluarkan untuk jemaah bukan sahaja dikeluarkan oleh pihak kerajaan Malaysia tetapi kerajaan Arab Saudi juga ada menetapkan beberapa peraturan pemeriksaan kesihatan dan keperluan mendapatkan surat akuan pegawai perubatan bagi tujuan kelulusan visa haji (Tabung Haji 2023). Antaranya adalah wanita hamil tiga bulan ke atas tidak dibenarkan untuk melaksanakan ibadah haji kerana pihak kerajaan Arab Saudi mewajibkan suntikan anti meningitis kepada jemaah dan suntikan tersebut mengundang bahaya kepada kandungan. Tujuan pemeriksaan kesihatan ini adalah bagi memastikan bahawa setiap jemaah berada dalam keadaan sihat supaya dapat menunaikan haji dengan baik dan sempurna.

Peranan pegawai perubatan adalah sangat penting bagi menentukan kemampuan dan keupayaan kesihatan semua jemaah. Setiap tahun, pegawai perubatan perlu menghadiri taklimat garis panduan yang dianjurkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui Pegawai Epidemiologi Negeri. Pemeriksaan kesihatan kepada jemaah hanya dibenarkan kepada pegawai perubatan yang mengikuti taklimat garis panduan sahaja dan nombor pendaftaran pemeriksaan kesihatan bakal haji akan diberikan kepada pegawai perubatan tersebut. Selesai pemeriksaan kesihatan dilaksanakan ke atas jemaah, pegawai perubatan perlu mengisi Borang Ringkasan Laporan dan Buku Rekod Rawatan Jemaah Haji. Maklumat tentang kesihatan jemaah perlu dilengkapi dengan teliti oleh pegawai perubatan kerana maklumat tersebut perlu diisi di dalam Sistem Haji oleh pegawai tabung haji. Pegawai perubatan perlu melaksanakan pemeriksaan kesihatan secara telus bagi menentukan bakal haji lulus atau tidak untuk pergi menunaikan haji. Jadual 4 di bawah menunjukkan carta alir pemeriksaan kesihatan yang perlu dijalani oleh jemaah:

Jadual 4: Carta Alir Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji



Sumber: Garis Panduan Pemeriksaan Kesihatan Bakal Haji 1443H/2022M Edisi Khas Pandemik

Secara keseluruhannya, pada waktu wabak penyakit melanda seluruh dunia, pemeriksaan kesihatan jemaah perlu dijalankan secara lebih terperinci dan ketat demi menjaga kemaslahatan dan keselamatan mereka. Peraturan dan panduan yang diberikan adalah untuk mengelak sebarang komplikasi yang lebih buruk daripada berlaku (Asrol 2020). Walaupun Malaysia kini telah menuju ke fasa endemik namun Kementerian Kesihatan Malaysia dan Tabung Haji masih mengekalkan kriteria pemeriksaan kesihatan bagi jemaah haji dan umrah seperti tahun sebelumnya sebagai langkah berjaga-jaga (Rodzi 2023). Keputusan ini bertujuan bagi memastikan semua jemaah berada dalam keadaan sihat fizikal dan mental sebelum menunaikan ibadah haji dan umrah.

HAD UMUR KELAYAKAN BAGI MENUNAIKAN HAJI DAN UMRAH DIPERKENALKAN

Kerajaan Malaysia berkerjasama dengan kerajaan Arab Saudi dalam menetapkan had umur jemaah yang ingin menunaikan haji dan umrah pada waktu COVID-19 melanda. Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi telah menetapkan had umur yang akan digunapakai oleh semua jemaah dan tiada negara yang terkecuali adalah mereka yang dilahirkan sebelum 1 Julai 1957 tidak diluluskan untuk menunaikan haji. Oleh itu, jemaah yang berumur 65 tahun ke bawah sahaja dibenarkan melaksanakan ibadah ini (Khalid 2022). Syarat had umur yang ketat ini ditetapkan bagi melindungi keselamatan kesihatan jemaah dari seluruh dunia pada waktu wabak melanda. Pada musim haji 1444H/2023M sekatan had umur telah dimansuhkan dan jemaah dari setiap peringkat umur boleh menunaikan haji di tanah suci (RTM 2023). Walaubagaimanapun, kerajaan Arab Saudi menasihati warga emas yang berumur 65 tahun ke atas untuk mendapatkan kelulusan pegawai perubatan sebelum melaksanakan haji dan umrah kerana ibadah tersebut menggunakan banyak tenaga untuk berjalan dan memerlukan kekuatan fizikal.

PEMAKAIAN MAQASID SHARIAH TERHADAP IMPLIKASI WABAK PENYAKIT

Secara umum *maqasid shariah* ditakrifkan sebagai makna dan tujuan yang dikehendaki oleh syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum demi kemaslahatan umat manusia (Awang 2020). *Maqasid shariah* bertujuan untuk memelihara peraturan, menarik kebaikan, menolak keburukan, memartabatkan shariah dan menjaga umat manusia. Terdapat lima prinsip yang penting di dalam maqasid shariah termasuk memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta (JAKIM 2021). Dalam mendepani sesuatu bencana, musibah atau wabak seperti pandemik COVID-19, umat Islam wajib menghindari sebarang keadaan yang akan membahayakan diri dan masyarakat (Mohamad & Ismail 2020). Islam amat menjaga kemaslahatan hidup umatnya dari segala kemudahan di dunia mahupun di akhirat. Selari dengan hadis Nabi s.a.w yang membawa maksud: "Tidak boleh mudarat dan tidak boleh memudaratkan" (Hadis riwayat Ibn Majah 2341).

Prinsip kedua yang paling penting dalam *maqasid shariah* adalah memelihara nyawa. Antara contoh-contoh memelihara nyawa adalah menjaga maruah diri, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup dan harta, mengurangkan kemiskinan, menjaga ekonomi rakyat dan pemerintahan yang baik (Harun & Ali 2021). Pemerintah sesebuah negara memikul tanggungjawab yang sangat berat untuk menjamin kestabilan, ketenteraman dan keamanan negara dari segala kemusnahan demi memelihara nyawa dan mengelakkan pertumpahan darah berlaku. (Abdul Rahman, N. A. A., Ahmad Rozi, S. N. R. A., Adenan, F., & Mohd Arif, M. I. A. 2023).

Dalam konteks wabak penyakit berjangkit, langkah pencegahan daripada penyakit tersebut adalah suatu usaha yang penting demi memelihara nyawa masyarakat untuk kelangsungan hidup mereka. (Mohd Izzuddin M. N. & Fatimah Nadirah M. N. 2022). Segala keputusan yang diambil oleh pihak kerajaan sewaktu wabak berlaku adalah untuk menjaga nyawa dan merupakan satu tuntutan agama. Berdasarkan perbincangan di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah memutuskan segala aktiviti di tempat ibadah perlu ditangguhkan sepanjang tempoh pandemik COVID-19 berlaku (Hanafi 2021). Langkah keselamatan ini perlu dilaksanakan bagi mengelakkan wabak ini dari terus menular dan menjangkiti masyarakat dalam skala yang besar dan tidak terkawal.

Ibadah haji dan umrah juga tidak terkecuali turut terkesan dengan wabak ini. Kerajaan Arab Saudi menangguhkan pengeluaran visa kepada jemaah yang ingin menunaikan umrah bermula Februari 2020 (Bernama 2020). Pada masa yang sama, kerajaan Arab Saudi juga telah memberi bayangan bahawa ibadah haji juga akan ditangguhkan pada tahun itu. Hal ini bagi mengelakkan berlaku penyebaran wabak COVID-19 terutamanya daripada negara yang telah diklasifikasikan sebagai berisiko tinggi termasuk Malaysia pada ketika itu. Segala keputusan yang diambil oleh kerajaan Arab Saudi adalah demi menjaga kesucian Mekah daripada merebaknya wabak ini serta untuk

memelihara nyawa umat Islam supaya terhindar daripada dijangkiti oleh wabak tersebut (Al-Bakri 2020).

Penyebaran wabak COVID-19 telah mengancam banyak nyawa dan memberi impak yang besar kepada semua sektor kehidupan seperti pelancongan dan aktiviti-aktiviti peribadatan seharian. Pemakaian pelbagai kaedah fiqh dan *maqasid shariah* dalam menghadapi kesukaran terutama aktiviti yang melibatkan ibadah memberi kemudahan kepada umat Islam dalam menunaikan ibadah tersebut di dalam keadaan yang sulit. Islam memandang serius tentang sesuatu wabak dan berusaha untuk mencegahnya demi keselamatan nyawa umatnya.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, wabak COVID-19 yang telah melanda dunia menjejaskan hampir kesemua sektor sesebuah negara. Negara-negara Islam juga tidak terkecuali terkesan dengan pandemik COVID-19 ini termasuklah tanah suci Mekah yang menjadi destinasi mengerjakan ibadah haji dan umrah. Walaupun wabak COVID-19 ini telah menyerang keseluruhan dunia, namun ianya tidak menghalang jemaah daripada berusaha untuk melaksanakan ibadah haji dan umrah dengan sempurna. Hasil dari kajian ini dapatlah diketahui bahawa kesihatan yang baik bagi jemaah haji dan umrah adalah sangat penting kerana proses menunaikan ibadah tersebut memerlukan kemampuan diri yang sangat tinggi. Oleh yang demikian, Lembaga Tabung Haji dan Kementerian Kesihatan Malaysia mengeluarkan satu tatacara dan garis panduan kesihatan yang ketat dan terperinci kepada semua jemaah yang ingin menunaikan ibadah tersebut. Keputusan ini diambil bertujuan bagi mengelakkan berlakunya jangkitan wabak COVID-19 kepada semua jemaah dan menghalang berlakunya risiko kesihatan yang lebih parah dan rumit ketika berada di tanah suci. Pandemik COVID-19 yang telah berlaku ini membuktikan bahawa mempunyai kesihatan yang baik adalah sangat penting bagi jemaah haji dan umrah supaya ibadah tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna seterusnya mendapat ibadah yang mabrur. Setiap jemaah perlu menjaga kesihatan dari segi fizikal dan juga mental supaya tidak timbul masalah kesihatan yang bakal menghalang hasrat untuk melaksanakan ibadah tersebut. Sesungguhnya, pandemik COVID-19 ini adalah ujian dari Allah s.w.t untuk menilai keimanan hamba-Nya dan kesungguhan umat-Nya untuk terus beribadat kepada-Nya walaupun di dalam situasi yang sukar dan mencabar ini.

RUJUKAN

Buku

- Al-Bakri, Z.M. (2010). *Syarh Al-Idhah fi Manasik Al-Hajj wa Al-Umrah: Kitab Al-Taudih Panduan Lengkap ke Arah Kesempurnaan Haji & Umrah*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Bugha, M. (2013). *Al-Fiqh Al-Manhaji*. Beirut: Dar Al-Syamiah.
- Al-Bukhari, A.A.M.B.I.B.I. (1994). *Sahih Al-Bukhari*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Al-Jaziri, A. (1990). *Fiqh al-Mazahib al-Arba'ah*. Beirut: Dal Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Ibn Majah, A.A. (2008). *Sunan Ibn Majah*. Lebanon: Dar Al-Kotob Al-Ilmiyah.
- Ibrahim, B. (2009). *Isu-isu Fiqh Halal & Haram Semasa: Ilmu, Akidah, Syariah dan Akhlak*. Jilid 1. Selangor: Al-Hidayah.
- JAKIM. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamus Dewan. (2021). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wahbah Al-Zihaili. (2002). *Fiqh Al-Islam Wa Adillatuhu*. Damsyik: Dar Al-Fikr.

Jurnal

- Abdolvahab, A., Oskoe, S., Pourabbas, B. & Alborzi, S. (2008). Meningococcal carrier rate

- before and after hajj pilgrimage: effect of single dose ciprofloxacin on carriage. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 4(2), 277-282.
- Abdul Rahman, N. A. A., Ahmad Rozi, S. N. R. A., Adenan, F., & Mohd Arif, M. I. A. (2023). Analysis Of Maqasid Shariah In Measures To Prevent The Pandemic Of Covid-19 Through Movement Control Order (MCO): Analisis Maqasid Syariah Dalam Langkah Pencegahan Pandemi Covid-19 Melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 1-11.
- Aldossari, M., Aljouidi, A. & Celentano, D. (2019). Health issues in the hajj pilgrimage: a literature review. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 25(10), 744-753.
- Al-Jasser, F., Kabbash, I.A., Almazroa, M.A. & Memish, Z.A. (2013). Patterns of diseases and prevention measures among domestic hajjis from Central, Saudi Arabia. *Eastern Mediterranean Health Journal*, 19(2), 34-41.
- Awang, A.H. (2020). *Maqasid syariah menurut al-quran dan hadis. 2nd International Conference on Contemporary Issues in Al-Quran and Hadith*. Jakarta, Indonesia.
- Azlan, S.B. & Ahmad A.H. (2024). Keberkesanan Strategi Komunikasi Bahasa Arab Dalam Meningkatkan Kemahiran di Kalangan Mutawif Belia. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(5), 40-56.
- Badur, S., Khalaf, M., Ozturk, S., Al-Raddadi, R., Amir, A., Farahat, F. & Shibl, A. (2022). Meningococcal disease and immunization activities in hajj and umrah pilgrimage: A review. *Infectious Diseases and Therapy*, 11, 1343-1369.
- Gautret, P., Benkouiten, S., Sridhar, S. & Al-Tawfiq, J.A. (2015). Diarrhea at the hajj and umrah. *Travel Medicine and Infectious Disease*, 13(2), 159-166.
- Gautret, P., Benkouiten, S., Gaillard, C., Parola, P. & Brouqui, P. (2013). Camel milk-associated infection risk perception and knowledge in French hajj pilgrims. *Vector-Borne and Zoonotic Diseases*, 13(6), 425-427.
- Gautret, P., Soula, G., Delmont, J., Parola, P. & Brouqui, P. (2007). Common health hazards in French pilgrims during the hajj of 2007: A prospective cohort study. *Journal of Travel Medicine*, 16(6), 377-381.
- Ghazali, N.M., Mohd, R.A. & Ahmad, H. (2021). Pendekatan Rasulullah s.a.w semasa mendepani penyakit berjangkit berdasarkan hadis wabak dalam kitab sahih Al-Bukhari. *Jurnal Al-Sirat*, 19(2), 44-54.
- Hanafi, L.H. (2021). Kewajipan melaksanakan ibadah haji era pandemik COVID-19: analisis hukum fiqh. *International Journal of Maqasid Studies & Advanced Islamic Research*, 2(1), 56-65.
- Harun, H. & Ali, H.M. (2021). Konsep *hifz an-nafs* (pemeliharaan nyawa) berdasarkan *maqasid syariah* dalam menghadapi pandemik COVID-19. *International Conference on Syariah & Law*. Selangor, Malaysia.
- Martin, P.M.V. & Granel, E.M. (2006). 2,500 year evolution of the term epidemic. *Emerging Infectious Diseases*, 12(6), 976-980.
- Mohd, H., Hashim, J., Khairuldin, W.M.K.F.W & Reshad, H.F.M. (2021). Implikasi pandemik COVID-19 terhadap ibadah haji dan umrah musim 1441H serta penyesuaian menurut fiqh mazhab Syafie. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 26-35.
- Mohd Izzuddin M. N. & Fatimah Nadirah M. N. (2022). Kemaslahatan Mangsa COVID-19 Menurut Neraca Maqasid Shariah. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 99-107.
- Noh, L.M.M., Mohammad, N.H., Zamri, N.A.K., Yusof, R.M., Hussin, H. & Abdullah, Z. (2020). Standard operational procedure in health quality for hajj pilgrims by lembaga tabung haji. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(9), 44-54.
- Shaharudin, S.M., Ismail, S., Samsudin, M.S., Azid, A., Tan, M.L. & Basri, A.A. (2021). Prediction of epidemic trends in COVID-19 with mann-kendall and recurrent forecasting-singular spectrum analysis. *Sains Malaysiana*, 50(4), 1131-1142.
- Wan Farahiyah Izni, W. A. R. & Haniff, A. 2020. Consumer protection under syariah law in

- Islamic religious tourism. *International Journal of Asian Social Science*, 10(5), 262–272.
- Wan Farahiyah Izni, W. A. R. & Haniff, A. (2019). Legal protection of Malaysia umrah pilgrims. *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 8(5), 397-404.
- Wan Farahiyah Izni, W. A. R. & Haniff, A. 2018. Legal Protection of Muslim Tourists in Islamic Religious Tourism in Malaysia: Reality and Challenges. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3),109.
- Zamzuri, Z.H. (2021). A bibliometric analysis of COVID-19 research in Malaysia using latent dirichlet allocation. *Sains Malaysiana*, 50(6), 1815-1825.
- Zuber, M.F.A., Rosli, N. & Muhammad, N. (2021). The transmission dynamic of the COVID-19 outbreak: A predictive dashboard. *Sains Malaysiana*, 50(11),3439-3453.

Internet

- Abdullah, N.H. (2023). Bakal jemaah haji wajib jalani pemeriksaan kesihatan. *Bernama*. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/21/bakal-jemaah-haji-wajib-jalani-pemeriksaan-kesihatan>.
- Al-Bakri, Z.M. (2020). Penangguhan ibadah haji 1441H: suatu pencerahan. *Al-Bayan*. <http://zulkifliabakri.com/al-bayan-siri-10-penangguhan-ibadah-haji-1441H-suatu-pencerahan>.
- Asrol, A.A. (2020). Syarat ketat demi keselamatan bakal haji. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/berita/2022/05/syarat-ketat-demi-keselamatan-bakal-haji>
- Azman, F. (2023). KKM dan lembaga tabung haji (TH) kekalkan kriteria pemeriksaan kesihatan jemaah haji. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-dan-lembaga-tabung-hajith-kekalkan-kriteria-pemeriksaan-kesihatan-jemaah-haji-411823>.
- Bernama. (2020). COVID-19: Kerajaan Arab Saudi gantung sementara visa umrah. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-kerajaan-arab-saudi-gantung-sementara-visa-umrah>.
- Ismail, A. (2017). Didapatkan dari kenapa perlu melaporkan penyakit berjangkit. *Kementerian Kesihatan Malaysia*. <http://www.myhealth.gov.my/kenapa-perlu-melaporkan-penyakit-berjangkit>.
- JAKIM. (2021). Huraian aplikasi 5 prinsip *maqasid syariah* dalam tadbir urus. <http://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maasid-syariah-dalam-tadbir-urus>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2020). *Jangkitan Penyakit Coronavirus (COVID-19)*. <http://www.myhealth.gov.my/jangkitan-penyakit-coronavirus-covid-19>.
- Khalid, I. (2022). Had umur jemaah haji ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi. *Astro Awani*. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/had-umur-jemaah-haji-ditetapkan-oleh-kerajaan-arab-saudi>.
- Leong, I. (2020). PKP: Malaysia berjaya ratakan lengkungan COVID-19 – Dr Noor Hisham. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pkp-malaysia-berjaya-ratakan-lengkungan-COVID-19-dr-noor-hisham>
- Mohamad, S.F.S. & Ismail, S. (2020). Implementing *maqasid al-shariah* during COVID-19 pandemic. Universiti Sains Islam Malaysia. <http://www.usim.edu.my/news/in-our-words/implementing-maqasid-al-shariah-during-COVID-19-pandemic>.
- Rodzi, T.H.A. (2023). Kaedah pemeriksaan kesihatan jemaah haji kekal seperti sebelumnya. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1080040/kaedah-pemeriksaan-kesihatan-jemaah-haji-kekal-seperti-sebelumnya>.
- RTM. (2023). Sekatan had umur jemaah haji dimansuhkan tahun ini. <https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/54965-sekatan-had-umur-jemaah-haji-dimansuhkan-tahun-ini>
- Syahiran, N. (2017). Didapatkan dari ini 5 wabak paling dahsyat dalam sejarah manusia. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling>

dahsyat-dalam-sejarah-manusia.

Tabung Haji. (2020). Kerajaan Malaysia tangguh hantar jemaah haji ke tanah suci demi keselamatan dan kesihatan jemaah. <http://www.tabunghaji.gov.my/ms/kenyataan-akhbar/kha-06112020/kerajaan-malaysia-tangguh-hantar-jemaah-haji-ke-tanah-suci-demi>.

Tabung Haji. (2020). Resolusi muzakarah haji peringkat kebangsaan ke-37 musim haji 1442H/2020M. <http://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/bimbingan/resolusi-muakarah-haji>.

Tabung Haji. (2022). Garis panduan pemeriksaan kesihatan bakal haji 1443H/2022M edisi khas pandemik. https://www.moh.gov.my/moh/resources/Penerbitan/Garis%20Panduan/Garis%20Panduan%20KKM/Garis_Panduan_Pemeriksaan_Kesihatan_Bakal_Haji_2022_Edisi_Khas_Pandemik.pdf.

Tabung Haji. (2023). Syarat tunai haji & kriteria kesihatan bakal jemaah haji musim haji 1444H/2023M. <https://www.tabunghaji.gov.my/ms/haji/soalan-lazim/syarat-tunai-haji-kriteria-kesihatan-bakal-jemaah-haji-musim-haji-1444h2023>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.